



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
MALAYSIA DURIAN (TROPICAL FRUIT) TRADE AND
EXPORT CENTER (MADTEC)**

**28 NOVEMBER 2025 | JUMAAT
PRE KLIA**



1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Malaysia Durian (Tropical Fruit) Trade and Export Centre.
2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak syarikat atas jemputan ke majlis ini. Hari ini merupakan satu detik signifikan dalam usaha kita memacu halatuju baharu industri buah-buahan negara, khususnya durian, raja buah yang menjadi kebanggaan Malaysia dan semakin mendapat tempat di pentas dunia.

Sidang hadirin sekalian,

3. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, industri durian Malaysia mencatat pertumbuhan yang luar biasa sehingga diiktiraf antara yang terbaik di dunia. Pada tahun 2024, catatan keluasan bertanam adalah 92,116 hektar dan menghasilkan sebanyak 568,810 ribu matrik tan. Durian Malaysia sinonim dengan kualiti premium, aroma yang tersendiri serta varieti unggul seperti Musang King atau Raja Kunyit, Duri Hitam atau Black Thorn dan D24 yang terus memikat hati pengguna antarabangsa.
4. Permintaan global meningkat dari tahun ke tahun, dan pasaran terbesar, seperti yang kita semua maklum, datang dari negara China. Walau bagaimanapun, pasaran eksport durian sebenarnya telah pun menembusi pasaran Singapura, Honduras, Indonesia, United Kingdom, Australia, Taiwan dan

banyak lagi. Pada tahun lalu sahaja, Malaysia berjaya merekodkan nilai eksport durian sebanyak RM1.18 bilion dengan jumlah 43,461 metrik tan, suatu pencapaian besar yang membuktikan keyakinan dunia terhadap durian Malaysia. Justeru, kehadiran Encik Li Shiguang, Kaunselor Menteri dan Puan Wu Lanhang Setiausaha Pertama dari Kedutaan China di Malaysia pada hari ini amat bermakna kerana ia melambangkan hubungan perdagangan Malaysia–China yang semakin kukuh dan strategik.

5. Di sebalik pencapaian membanggakan ini, kita tidak boleh menafikan bahawa masih ramai petani kecil berdepan cabaran besar untuk menembusi pasaran eksport bernilai tinggi. Mereka berdepan dengan pelbagai cabaran. Antaranya, ketiadaan kemudahan rawatan eksport, tiada kilang pemprosesan serta kesukaran memenuhi piawaian ketat negara pengimport. Walaupun hasil mereka berkualiti, halangan infrastruktur dan kos yang besar sering menjadi penghalang. Inilah jurang keadilan ekonomi yang wajib kita tangani bersama.
6. Sehubungan itu, saya mengucapkan tahniah kepada pihak syarikat atas kejayaan menubuhkan MADTEC atau Malaysia Durian (Tropical Fruit) Trade and Export Center, satu platform inklusif yang membuka akses eksport kepada semua, khususnya petani kecil. Dengan fasiliti pemprosesan bertaraf antarabangsa, petani kini boleh memanfaatkan infrastruktur pemprosesan yang lengkap tanpa perlu menanggung kos besar membina kilang sendiri. Hasil mereka boleh diproses

mengikut standard eksport dengan lebih cekap dan teratur. Saya berharap MADTEC dapat membawa mesej jelas bahawa kejayaan industri durian Malaysia mesti dinikmati secara adil oleh semua pemain, besar mahupun kecil, selaras dengan semangat Malaysia MADANI.

7. Saya ingin menegaskan harapan Kementerian agar pihak syarikat mengoptimumkan sepenuhnya potensi MADTEC sebagai pusat sehenti eksport negara dengan memastikan setiap operasi syarikat daripada proses pengumpulan, penggredan, rawatan hinggalah pembungkusan mematuhi piawaian antarabangsa dan mengekalkan kualiti premium buah-buahan Malaysia. Dengan kelebihan logistik MADTEC yang terletak bersebelahan KLIA serta kemudahan moden yang tersedia, saya berharap syarikat mampu memperkukuh rantai nilai, meningkatkan daya saing di pasaran global dan memacu pertumbuhan eksport durian serta buah-buahan tropika lain secara konsisten. Yang paling penting, pastikan pembangunan industri ini berjalan secara inklusif supaya manfaatnya dirasakan oleh syarikat, usahawan dan petani di seluruh negara.

Sidang hadirin sekalian,

8. Dalam kita melangkah ke hadapan, satu perkara penting perlu diberikan perhatian. Kejayaan eksport Malaysia hanya akan berkekalan jika kita memastikan mutu buah-buahan yang dieksport sentiasa mematuhi piawaian yang ditetapkan, baik dari segi keselamatan makanan, kualiti, kebersihan mahupun

prosedur rawatan. Reputasi Malaysia di pasaran antarabangsa bergantung kepada konsistensi dan integriti produk yang kita hantar. Sebab itu, saya menyeru semua syarikat agar memastikan setiap produk yang dieksport benar-benar menepati standard yang dipersetujui bersama kerajaan dan negara pengimport.

9. Lebih penting, saya ingin mengingatkan bahawa perkembangan industri ini mesti dibina di atas asas keadilan dan kebajikan petani. Syarikat perlu memastikan hubungan dengan petani, khususnya melalui kontrak ladang, dilaksanakan secara telus, adil dan menguntungkan kedua-dua pihak. Petani adalah nadi industri ini. Tanpa mereka, tiada durian, tiada eksport, tidak ada industri bernilai berbilion ringgit. Oleh itu, pastikan harga yang ditawarkan berpatutan, terma perjanjian jelas dan tidak menekan, serta latihan dan sokongan teknikal diberikan bagi memastikan petani mampu memenuhi standard yang ditetapkan.
10. Seiring itu, saya meletakkan harapan tinggi kepada Jabatan Pertanian dan agensi berkaitan untuk memainkan peranan aktif memantau, membimbing serta memudah cara kepada pihak syarikat dan juga petani agar seluruh ekosistem rantai nilai buah-buahan negara berkembang secara mampan, inklusif dan benar-benar memberi manfaat kepada semua pihak.

Hadirin yang dihormati,

11. Akhir kata, saya berharap agar model kerjasama yang menang-menang di antara pihak syarikat, agensi kerajaan dan komuniti petani dapat diperkukuhkan. Insya-Allah, dengan sokongan dan kerjasama semua pihak, saya yakin kita akan terus mengorak langkah lebih jauh, mengukuhkan jenama durian Malaysia di persada dunia.
12. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Malaysia Durian (Tropical Fruit) Trade and Export Center.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.